

KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK

FATWA BIL. 16

HUKUM PERDAGANGAN PERTUKARAN MATA WANG ASING OLEH INDIVIDU SECARA LANI (INDIVIDUAL SPOT FOREX) MELALUI PLATFOM ELEKTRONIK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443H bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing oleh Individu Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platfom Elektronik. Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (forex) oleh individu secara lani (individual spot forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah **haram** kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah dari sisi undang-undang negara. Selaras dengan itu, umat Islam adalah **dilarang** daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama ini.

Mesyuarat juga menegaskan bahawa keputusan yang diputuskan ini tidak terpakai ke atas urusan niaga pertukaran mata wang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urusan niaga pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan di bawah undang-undang Malaysia.

Tarikh : 24 Jun 2022
No. Fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9
Status Fatwa : **Tidak warta**

Saya yang menjalankan amanah


(SS. DATO HAJI ZAMRI BIN HASHIM)
Timbalan Mufti Negeri Perak